



**KEMPEN:** Dr S S Gill (dua dari kanan) melancarkan logo program 'Kidney Care' sempena Hari Buah Pinggang Sedunia 2008, baru-baru ini.

# Pesakit buah pinggang diramal meningkat

**KUALA LUMPUR:** Dalam usaha memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan penjagaan kesihatan buah pinggang, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Persatuan Nefrologi Malaysia (MNF) mengadakan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2008 di sini, baru-baru ini.

Pengerusi Lembaga Pengarah Pengurusan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF), Dr S S Gill, berkata sambutan itu adalah antara cara bagi membantu orang ramai memahami mengenai fungsi dan kepentingan buah pinggang serta cara mencegah penyakit buah pinggang.

"Statistik National Renal Registry (NRR) pada 2006 melaporkan ada 118 penghidap penyakit buah pinggang dalam setiap sejuta populasi dan jumlah itu diramalkan akan meningkat sekiranya masyarakat tidak mengamalkan cara hidup sihat.

"Pendidikan awal adalah aspek penting dalam penjagaan buah pinggang dan boleh membantu masyarakat mengurangkan risiko menghidap penyakit yang dianggap sebagai pembunuh senyap itu," katanya.

Majlis sambutan itu dirasmikan Naib Presiden Lembaga Majlis Tertinggi Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia, Lynn Kulaisingham. Turut hadir, Presiden Persatuan Nefrologi Malaysia (MNF), Dr

Tan Chwee Choon.

Sempena sambutan itu juga seramai 230 pesakit buah pinggang termasuk pesakit yang menjalani rawatan haemodialisis, pesakit dialisis peritoneal dan pesakit yang menjalani pembedahan buah pinggang dari sekitar Lembah Klang menyertai acara bertemakan 'Buah Pinggang Yang Mengagumkan' bertujuan memaklumkan kepada orang ramai bahawa penyakit buah pinggang boleh dicegah.

Selain walkathon, pameran kesihatan buah pinggang, ceramah kesihatan serta ujian penyaringan kesihatan yang dikendalikan oleh NKF Life Check dan pertandingan melukis turut diadakan.